

10 OCT 1996

Umno-Perhimpunan

PERHIMPUNAN POLITIK TERBESAR NEGARA BERMULA

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini merasmikan Perhimpunan Agung Umno, acara terbesar dalam kalendar politik tanahair, yang akan menyaksikan parti memilih pemimpin yang bakal menerajui sehingga ke penghujung abad ke-20.

Presiden Umno itu dalam satu lagi ucapan bernasnya menggariskan agenda serta matlamat parti dan negara menuju ke abad 21 dan sekali lagi dengan jelas menghuraikan azamnya untuk menghapuskan gejala politik wang dalam parti politik terbesar negara.

Perhimpunan agung empat hari tahun ini yang bermula semalam dengan pemilihan pucuk pimpinan pergerakan Pemuda dan Wanita Umno diadakan pada waktu yang amat bersejarah sempena ulangtahun ke-50 parti dan kepulangan ke pangkuan secara beramai-ramai anggota parti serpihan Parti Melayu Semangat 46 (S46) berikutan pembubaran parti itu pada 6 Okt.

Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah menyerahkan kepada Dr Mahathir 200,000 borang permohonan bekas anggota parti itu untuk menyertai Umno dua hari lepas mengukuhkan lagi perpaduan Melayu yang merangkumi kira-kira 53 peratus daripada jumlah 19 juta penduduk negara.

Ia juga meningkatkan keanggotaan Umno kepada 2.6 juta kini menjadikannya satu daripada parti politik terbesar dunia.

Tetapi yang menjadi tumpuan pada perhimpunan agung tahun ini ialah pemilihan parti dan berdasarkan pertandingan mengisi barisan pucuk pimpinan pergerakan Pemuda dan Wanita semalam, adalah jelas anggota-anggota Umno mahukan perubahan dalam memasuki era alaf baru.

Angin perubahan begitu kuat sehingga menumbangkan tokoh parti Datuk Seri Rafidah Aziz yang tewas mengejut kepada Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, setelah memimpin Wanita Umno selama 12 tahun.

Turut tersungkur ialah Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik yang kalah kepada Datuk Ahmad Zahid Hamidi dalam mempertahankan jawatan Ketua Pemuda.

Sementara kekalahan Rafidah dikatakan oleh anggota perwakilan serta pemerhati kerana sikap terlalu yakinnya dan rasa tidak puashati mereka terhadap kepimpinan beliau sebagai Ketua Wanita, kegagalan Rahim pula yang memperolehi undi ketiga terbanyak dalam pertandingan lima penjurur merebut jawatan Ketua Pemuda, dikatakan berpunca daripada anggota tidak dapat melupakan imejnya yang tercemar kerana tuduhan terbabit dalam skandal seks.

Kesemuanya ini akan menjadikan pemilihan hari ini untuk jawatan naib presiden dan 25 kerusi Majlis Tertinggi, suatu pertandingan yang sengit terutama ketika parti berusaha bersungguh-sungguh membanteras rasuah politik

Malah semua bentuk berkempen dilarang menjelang pemilihan, menjadikan Umno satu-satunya parti yang berbuat demikian, dan memungkinan ia menjadi bayangan kepada hala tuju sistem parti politik negara akan datang.

Dr Mahathir sejak beberapa hari lepas begitu lantang membidas amalan politik wang yang begitu menonjol dalam Umno serta parti-parti politik lain dalam negara.

Fenomena ini telah dikaitkan dengan kemakmuran ekonomi Malaysia yang tumbuh begitu pesat menjadikan ia sebuah daripada negara yang berjaya dari segi ekonomi di kalangan negara-negara dunia ketiga.

Umno merupakan parti terbesar dalam gabungan 13 anggota komponen Barisan Nasional yang telah memerintah negara sejak merdeka pada 1957. Presiden dan Timbalan Presiden Umno menjadi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Sejak beberapa hari lepas, Dr Mahathir mengecap mereka yang menggunakan wang untuk memenangi jawatan dalam parti sebagai penjenayah, yang jika dibiarkan, akan akhirnya memusnahkan bukan sahaja Umno malah negara.

Dr Mahathir juga berkata beliau lebih suka 1,871 anggota perwakilan ke perhimpunan itu yang akan mengundi hari ini membiarkan kertas undi kosong -- yang bererti undi rosak -- dan tidak memilih pemimpin yang korup.

Pemilihan parti, yang diadakan tiga tahun sekali dianggap oleh media asing sebagai lebih penting daripada pilihan raya umum negara, akan bermula pada pukul 11 pagi sejurus selepas selesai ucapan Dr Mahathir. Keputusan dijangka selepas pukul 6 petang.

Pemilihan Umno dianggap penting kerana pemimpin yang bakal dipilih akan mengisi hirarki kepimpinan tanahair, walaupun Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim masing-masing dengan persetujuan ramai mengekalkan jawatan presiden dan timbalan presiden tanpa pertandingan.

Majlis perasmian turut dihadiri tetamu asing, termasuk Perdana Menteri bersama Kemboja, Putera Norodom Ranariddh dan Hun Sen, serta wakil daripada 22 Kelab Umno di luar negara.

Ketika para perwakilan membuat pemilihan, peringatan Dr Mahathir kepada mereka supaya menolak calon yang korup sudah tentu bermain di kepala, kerana masa depan negara terletak di tangan mereka. -- BERNAMA

AU RON AKD